

## **Aggresif di kalangan remaja**

**Azizi bin Hj Yahaya**

Dewasa ini sifat aggressif di kalangan remaja semakin serius. Kejadian yang melibatkan sifat aggressif di kalangan remaja seperti gangsterisme, pergaduhan, buli, vandalisme dan peras ugut telah dilaporkan di akhbar ( Harian Metro, 25 Mac 2004; Berita Harian, 25 Mac 2004). Kes-kes masalah sifat aggressif di kalangan pelajar ini sudah menjadi lumrah dan berita mengenai kejadian ini kerap dipaparkan di dada-dada akhbar perdana. Kejadian ini sedikit sebanyak menjejaskan peranan sekolah sebagai pembentuk jati diri dan pendidikan generasi masa hadapan Negara.

Tambahan pula, kes kematian Masidah Suria Che Pa, seorang kanak berumur tujuh tahun amat menggemparkan seluruh masyarakat di mana ia berpunca dari tindakan seorang kanak perempuan yang berumur sepuluh tahun sahaja. Apatah lagi kejadian tersebut dilihat oleh banyak pihak mempunyai unsur paksaan dan peras ugut oleh seorang kanak perempuan ke atas rakannya yang berakhir dengan kematian. Ini menggambarkan suatu keadaan di mana para pelajar sekolah sekalipun pada usia yang mudah telah mula melibatkan diri dengan aktiviti jenayah seperti peras ugut, buli, memukul sehingga kepada membunuh. Oleh itu, masalah ini perlu ditanggani dengan segera dan sebaik mungkin kerana ia bukan sahaja menjatuhkan imej sekolah sebagai institusi pembentuk jati diri dan pendidikan anak bangsa. Tetapi akan juga memberi impak kepada survival dan kemajuan negara pada masa hadapan.

Sifat aggressif ditakrifkan sebagai bersifat menyerang dan pencerobah menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga. Terdapat tiga masalah jenayah utama yang berpunca dari sifat aggressif di kalangan remaja iaitu masalah buli, vandalisme dan gangsterime. Selain itu, Utusan Malaysia (21 Mei 2007) pula memberitahu bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) harus menanggung kerugian lebih RM5 juta sepanjang tahun 2006 kerana terpaksa menggantikan dan membaiki pelbagai kemudahan awam yang rosak akibat aktiviti vandalisme. Oleh itu, semua pihak masyarakat seperti ibubapa, guru dan pelajar sendiri haruslah bertanggungjawab untuk menangani masalah ini supaya negara kita aman.